

30/05/1999

Wakil Terengganu minta umumkan manifesto

Zulkofli Jamaludin; Saidon Idris

KUALA LUMPUR: Pas Terengganu meminta pucuk pimpinan parti itu supaya menyatakan dengan segera manifesto pilihan rayanya bagi membolehkan orang ramai mengetahui apakah yang akan dilaksanakan parti itu jika ia dipilih membentuk kerajaan.

Wakilnya, Abdul Wahid Endut, berkata ia patut dilakukan dari sekarang iaitu dengan mengeluarkan sedutan daripada manifesto berkenaan.

Beliau berkata, parti itu juga perlu mula bersiap sedia daripada sekarang bagi menangkis segala isu yang akan dibawa oleh Umno menjelang pilihan raya yang akan datang.

Menurutnya, ini kerana bagi membolehkan parti itu menangkis segala isu yang bakal di bawa Pas perlulah mempunyai fakta yang lengkap dan tepat.

Wakil Dewan Pemuda Pas Pusat, Nasaruddin Mat Isa pula meminta Pas mewujudkan "Pusat Dialog Peradaban Antara Kaum" bagi membolehkan bukan Islam mendapat penjelasan mengenai Islam.

"Penjelasan ini penting bagi memastikan bukan Islam menerima Pas sebagai parti yang bersikap sederhana yang membela kepentingan semua kaum di Malaysia," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada muktamar tahunan Pas, semalam.

Pas Johor pula mengakui kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengukuhkan perpaduan dalam Umno.

Wakilnya, Ishak Mohd Saleh berkata, ini dapat dilihat apabila berlakunya perbalahan dalam parti itu ketika Presiden Umno bercuti tidak lama dulu yang mana jawatannya dipangku oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Apabila Perdana Menteri kembali semua perbalahan yang berlaku kembali tenang," katanya.

(END)